

# Tun M, Ku Li sedia bantu pulih kerajaan

Sinar Harian - 15/12/2020

mbf: 2

Dua tokoh politik itu turut menjangkakan kerajaan PN tumbang hari ini

**KUALA LUMPUR**

**T**okoh politik negara, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tengku Razaleigh Hamzah membayangkan kerajaan Perikatan Nasional (PN) hilang majoriti melalui undian Belanjawan 2021 yang dibentangkan untuk bacaan kali ketiga di Dewan Rakyat hari ini.

Bekas Perdana Menteri berkata, beliau bekerjasama dengan Tengku Razaleigh bagi memulihkan semula keadaan negara yang kini disifatkan telah lari daripada landasan sebenar.

“Ada kemungkinan esok (hari ini), bila undian untuk bacaan ketiga belanjawan, ada kemungkinan kerajaan akan kalah. Jika kerajaan hilang undi, kita akan hilang kerajaan seterusnya perlu tubuh kerajaan baharu.

“Apabila tubuh kerajaan baharu, kita harap (ahli Parlimen) yang berdedikasi untuk berkhidmat pada negara dan rakyat bukan kerana saya mahu jadi Perdana Menteri atau menteri,” katanya pada sidang akhbar bersama di Yayasan Al Bukhary di sini pada Isnin.

Ditanya adakah beliau sudah mempunyai ‘barisan’ bagi menu-



Dr Mahathir (kiri) bersama Tengku Razaleigh pada sidang akhbar di Yayasan Al Bukhary di Kuala Lumpur pada Isnin.

buhkan kerajaan baharu, Ahli Parlimen Langkawi itu berkata, senarai tersebut terdiri daripada ahli Parlimen yang benar-benar ikhlas berkhidmat untuk rakyat.

“Saya harap wakil rakyat akan buat pilihan dengan betul. Tiada senarai. Senarai yang kita mahu lihat adalah wakil rakyat yang ikhlas untuk berkhidmat untuk rakyat

“Pada masa ini, kita tidak nampak sesiapa dalam kerajaan yang fikir tentang negara. Mereka hanya fikir mahu negara jadi hak mereka. Kita perlu wujudkan semula dasar majukan negara bukan untuk diri sendiri dan parti sendiri,” katanya.

Sementara itu, Tengku Razaleigh menegaskan kerjasama beliau bersama Dr Mahathir bukan hanya cakap kosong.

“Saya harap perjumpaan ini akan memulakan langkah baharu

bukan untuk kepentingan Dr Mahathir atau saya atau sesiapa saja daripada kalangan kita tapi lebih pentingkan rakyat daripada segala-galanya,” katanya.

Tengku Razaleigh sendiri menganggap kerajaan sekarang tidak mendapat keabsahannya dan Muhyiddin bukan perdana menteri yang memiliki keabsahan.

Beliau juga berikrar membantu kerajaan baharu mengembalikan status Malaysia sebagai *Asian Tiger*.

“Saya percaya kerajaan yang ada hari ini tidak mendapat keabsahan kerana itu kerajaan tidak stabil. Bila kerajaan tidak stabil, tiada siapa yang mahu melabur.

“Saya percaya kita boleh pulihkan keadaan ini. Bukan hanya jadikan semula Malaysia sebagai *Asian Tiger* tetapi *Asian Lion*,” katanya.